

Pusat Perubatan Sunway lancar kempen #FamilyHealthHistoryMatters

KUALA LUMPUR: Gaya hidup dan pemakanan sihat adalah antara langkah yang boleh diambil untuk kualiti hidup yang lebih baik, namun adakah anda tahu bahawa sejarah kesihatan keluarga juga memainkan peranan yang penting untuk mencegah pelbagai penyakit dan masalah kesihatan yang lain?

Pusat Perubatan Sunway Velocity (SMCV), sempena sambutan ulang tahun ketiganya melancarkan kempen #FamilyHealthHistoryMatters selama sebulan, bagi meningkatkan kesedaran kepentingan mengetahui sejarah kesihatan diri dan keluarga, supaya pesakit mempunyai kawalan yang lebih baik terhadap masa hadapan mereka.

SMCV dalam satu kenyataan menyatakan sepanjang bulan September ini, mereka akan menyediakan pelbagai tawaran istimewa, pakej saringan dan juga aktiviti CSR, bagi menggalakkan lebih ramai orang memberi perhatian kepada sejarah kesihatan keluarga mereka untuk manfaat diri mereka sendiri.

“Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2019 Kementerian Kesihatan (KKM) menganggarkan 1.7 juta rakyat dewasa Malaysia hidup dengan kombinasi penyakit diabetes, tekanan darah tinggi dan kolesterol, manakala 3.4 juta orang lagi mempunyai dua daripada tiga penyakit tersebut.

“Jabatan Perangkaan Malaysia baru-baru ini menyatakan, jangka hayat rakyat Malaysia pada kelahiran tahun 2021 dijangka naik kira-kira 12 tahun, berbanding lima dekad lalu dan ini meningkatkan keperluan perancangan penjagaan kesihatan yang lebih baik dalam memastikan kehidupan yang lebih sihat dan bermakna,” menurut kenyataan itu.

Ketua Pegawai Eksekutif SMVC Derrick Chan dalam kenyataan itu berkata pihaknya ingin menggalakkan pesakitnya membuat keputusan yang lebih baik tentang kesihatan mereka menerusi kempen itu, kerana penjagaan kesihatan memainkan peranan penting dalam memperbaiki kualiti kehidupan.

“Sama ada dengan mewujudkan kesedaran lebih baik mengenai keperluan memahami sejarah kesihatan keluarga atau memilih untuk melakukan saringan kesihatan tahunan bagi mengenal pasti sebarang isu kesihatan, kami sentiasa di sini untuk lakukan perubahan dan membantu masyarakat. SMCV bangga untuk menjadi sebahagian daripada kehidupan pesakit kami, dan kami berhasrat untuk memberikan kualiti rawatan yang terbaik untuk pesakit yang memerlukannya,” katanya.

Pengarah Perubatan dan Pakar Perubatan Kecemasan SMCV Dr Wee Tong Ming berkata, mempunyai pengeta-

huan sejarah penyakit keluarga penting, dalam memahami risiko menghadapi penyakit tidak berjangkit (NCD) yang mungkin berlaku.

“Walaupun anda tidak boleh mengubah genetik diri, anda boleh menukar gaya hidup kepada yang lebih sihat. Perubahan ini bersama saringan kesihatan, dapat membantu mengesan tanda-tanda awal penyakit dan pesakit boleh mengambil tindakan lebih awal dalam memastikan tahap kesihatan lebih baik dalam jangka masa panjang,” katanya.

Kempen sepanjang bulan ini, akan diakhiri dengan aktiviti derma darah pada 29 dan 30 September di SMCV, dengan orang ramai boleh datang ke pusat perubatan itu untuk menderma darah membantu menyelamatkan nyawa lain.

Selain itu, SMCV juga akan mengadakan hari terbuka di Pusat Kesuburan Sunway dengan penyertaan reruai vendor berkaitan di pusat perubatan itu.

“Pada akhir September, SMCV akan menganjurkan aktiviti mencari harta karun yang terbuka untuk orang ramai. Kesemua hasil jualan tiket aktiviti ini, akan disumbangkan kepada Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF),” menurut kenyataan itu.

Sebarang pertanyaan sila hubungi +60397729191 atau e-mel smcv-enquiry@sunway.com.my. — Bernama